

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XXV)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

1. Apakah langkah-langkah kerajaan yang akan diambil untuk menyelesaikan kesesakan lalu lintas di persimpangan Jalan Bukit Minyak dan Jalan Bukit Tengah?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Antara langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan kesesakan lalu lintas di persimpangan Jalan Bukit Minyak dan Jalan Bukit Tengah adalah seperti berikut:
  - (i) Menaik taraf persimpangan Jalan Bukit Minyak dan Jalan Bukit Tengah;
  - (ii) Melakukan pelebaran Jalan Bukit Minyak hingga *right of way* (r.o.w) jalan; dan
  - (iii) Melakukan pelebaran Jalan Bukit Tengah hingga *right of way* (r.o.w) jalan.

Selain itu, langkah yang telah diambil oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKRNPP) bagi menangani masalah tersebut adalah dengan melaksanakan penambahbaikan laluan persekutuan melalui Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12). Cadangan penambahbaikan ini telah mendapat kelulusan dan kini sedang dalam peringkat perancangan oleh JKR Malaysia di bawah tajuk Projek Menaik Taraf Jalan dari Permatang Tinggi (Seksyen 740.4) ke Sungai Juru (Seksyen 746.4) di laluan persekutuan FT001 Bukit Tengah, Seberang Perai Tengah. Status terkini bagi pelaksanaan projek tersebut adalah dalam fasa kerja-kerja awalan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XXV)2**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

2. Apakah syarat-syarat permintaan Kerajaan Negeri dalam perundingan menerima pakai Akta 672 untuk memelihara hak dan kepentingan negeri dalam penyerahan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam kepada SWCorp?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Antara syarat permintaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam rundingan untuk menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672] bersama pihak Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) adalah seperti berikut:
  - (i) Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai kata putus untuk menentukan syarikat konsesi yang akan melaksanakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam termasuk pengurusan semua fasiliti sisa pepejal di Negeri Pulau Pinang. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri boleh mencadangkan mana-mana syarikat termasuk anak syarikat Kerajaan Negeri sebagai syarikat konsesi di Negeri Pulau Pinang;
  - (ii) Syarikat konsesi tersebut dijamin untuk membangunkan dan mengoperasikan sebuah Loji *Waste to Energy* (WtE) yang buat masa ini dianggarkan memerlukan kos sebanyak RM100.0 juta yang akan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan;

- (iii) Skop dan kekerapan perkhidmatan yang akan dimasukkan dalam perjanjian konsesi hendaklah setara atau lebih baik daripada pelaksanaan sedia ada bagi mengekalkan tahap pembersihan yang terbaik di Negeri Pulau Pinang. Antara contoh ketara yang boleh dibandingkan adalah perkhidmatan yang diberikan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) iaitu tiga (3) kali kutipan sisa domestik, satu (1) kali sisa pukal dan satu (1) kali sisa kitar semula (3+1+1) setiap minggu. Hal ini berbeza berbanding negeri-negeri lain yang telah mengguna pakai Akta 672 iaitu kekerapan perkhidmatan sebanyak dua (2) kali kutipan sisa domestik dan satu (1) kali sisa pukal (2+1) setiap minggu;
- (iv) Sebarang penambahan atau perubahan penetapan skop dan kekerapan perkhidmatan perlu mendapatkan persetujuan Kerajaan Negeri terlebih dahulu kerana implikasi tindakan ini akan menyebabkan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terpaksa menambah caruman serta menjejaskan tahap kebersihan di Negeri Pulau Pinang;
- (v) Waran Perjawatan Tetap di MBPP dan MBSP yang terlibat dengan proses penswastaaan dikekalkan di PBT tanpa dijumlahkan bagi mengisi jawatan di jabatan-jabatan yang memerlukan. Sebanyak 540 perjawatan yang melibatkan pegawai, penolong pegawai dan pembantu awam perlu dikekalkan di PBT bagi membantu jabatan-jabatan berkaitan serta melaksanakan skop perkhidmatan pembersihan yang tidak termasuk dalam perjanjian konsesi; dan
- (vi) Jumlah kakitangan MBPP dan MBSP (pembantu awam) yang berstatus kontrak seramai 3,200 orang dicadangkan untuk dikekalkan di syarikat konsesi selepas dua (2) tahun sebagai jaminan pengekalan perkhidmatan mereka dan ditawarkan mata gaji yang lebih baik berbanding sedia ada. Perkara ini selaras dengan dasar penswastaaan yang akan dilaksanakan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XXV)3**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

3. Nyatakan jumlah pengeluaran kerang dengan nilai hasil dari kawasan Kuala Juru bagi setiap tahun dari tahun 2014 hingga 2024.
- (a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri sedang menangani cabaran-cabaran nelayan dalam ternakan kerang?

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Tiada data jumlah pengeluaran kerang yang diberikan oleh pihak Jabatan Perikanan (DOF) Negeri Pulau Pinang pada tahun 2014 hingga 2016. Jumlah pengeluaran kerang dari tahun 2017 hingga 2024 adalah seperti jadual yang berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Pengeluaran (tan metrik)</b>	<b>Nilai (RM)</b>
2017	3.38	13,531.00
2018	1,154.73	8,009,737.00
2019	677.61	5,420,871.00
2020	704.78	5,638,205.00
2021	101.62	830,470.00
2022	262.50	2,842,290.00
2023	80.91	921,939.00
2024	412.59	4,334,870.00
<b>Jumlah</b>	<b>3398.12</b>	<b>28,011,913.00</b>

- (a) Cabaran yang dihadapi dalam ternakan kerang adalah penternak kerang memerlukan komitmen masa, tenaga dan

modal untuk menjaga, mencuci tapak ternakan kerang daripada musuh ternakan seperti siput rantai serta memerlukan modal yang besar untuk pembelian benih kerang. Selain itu, cabaran isu kecurian kerang sering berlaku kerana masalah pengurusan projek. Justeru, pihak DOF telah mengadakan program Lawatan Sambil Belajar ke projek kebun kerang berjaya seperti di Lekir, Perak.

Sebagai permulaan projek, pihak DOF juga turut memberi bantuan benih kerang percuma dan menyediakan alat penggredan kerang serta jeti untuk tujuan pendaratan hasil ternakan kerang sebagai kemudahan infrastruktur yang membantu melancarkan operasi ternakan kerang. Bagi pusingan projek seterusnya, nelayan kerang perlu menguruskan projek dengan komitmen sendiri agar hasil yang diperolehi dapat ditingkatkan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XXV)4**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

4. Nyatakan jumlah hasil kutipan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) daripada Negeri Pulau Pinang untuk tahun 2022, 2023 dan 2024.

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

4. Untuk makluman, hasil Kerajaan Persekutuan terdiri daripada hasil cukai dan hasil bukan cukai. Hasil cukai terdiri daripada cukai langsung dan cukai tidak langsung yang masing-masing dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Cukai langsung merangkumi cukai pendapatan syarikat dan individu, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan modal, cukai keuntungan harta tanah dan duti setem. Manakala cukai tidak langsung terdiri daripada duti import, duti eksport, duti eksais, cukai jualan, cukai perkhidmatan, cukai pelancongan, levi keuntungan luar biasa, levi kenderaan barang-barang dan levi pelepasan

Hasil bukan cukai pula dikutip daripada perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan termasuklah kenaaan bayaran kelulusan lesen dan permit, bayaran perkhidmatan, perolehan daripada jualan barangan, sewaan dan faedah dan pulangan pelaburan. Hasil bukan cukai turut merangkumi terimaan bukan hasil dan hasil daripada Wilayah Persekutuan.

Data kutipan hasil cukai dilaporkan secara agregat mengikut jenis-jenis cukai dan bukannya mengikut negeri. Dalam pada itu, jumlah hasil cukai langsung dan cukai tidak langsung yang dikutip di

peringkat negeri juga tidak semestinya menggambarkan sumbangan aktiviti ekonomi yang sebenar di negeri berkenaan.

Merujuk kepada pertanyaan data hasil cukai jualan dan perkhidmatan bagi Negeri Pulau Pinang, data berkaitan adalah merupakan salah satu perkara yang dirujuk dalam saman yang telah difailkan ke mahkamah terhadap Kerajaan Persekutuan. Oleh yang demikian, Kementerian Kewangan tidak dapat mengemukakan maklumat terperinci mengenainya atas dasar *sub judice*.

Walau bagaimanapun, hasil kutipan cukai langsung dan cukai tidak langsung yang diterima oleh Kerajaan Persekutuan pada setiap tahun boleh dilihat dalam Laporan Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan yang diterbitkan oleh Kementerian Kewangan. Laporan tersebut boleh disemak dan dimuat turun daripada laman web khas belanjawan tahunan iaitu <https://belanjawan.mof.gov.my/ms/>. Data kutipan hasil cukai dilaporkan secara agregat mengikut jenis-jenis cukai langsung dan cukai tidak langsung secara keseluruhan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XXV)5**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

5. Adakah semua surau dan masjid dikehendaki kerajaan mendaftar dengan JHEAIPP untuk beroperasi di Pulau Pinang dan nyatakan berapa masjid dan surau terkini di Pulau Pinang yang sudah dan masih belum berdaftar dengan JHEAIPP.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Menurut garis panduan tatacara sebelum sesebuah masjid dan surau didirikan di Negeri Pulau Pinang yang sedang berkuatkuasa, pihak pengurusan masjid dan surau terlebih dahulu perlu memperolehi kebenaran bertulis daripada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) selaras dengan Seksyen 97(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) (pindaan) 2023.

Setelah bangunan didirikan, tapak dan bangunan hendaklah didaftarkan dan diletak hak kepada MAINPP seperti dinyatakan dalam Seksyen 96(2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) (pindaan) 2023 yang menetapkan tiap-tiap masjid dan surau dan mana-mana tanah yang berhubung dengannya dan digunakan bagi maksud masjid dan surau, selain tanah Kerajaan atau tanah yang dirizab bagi maksud awam, hendaklah sebaik sahaja didaftarkan di bawah undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tanah dan tanpa apa-apa pemindahan, penyerahan atau pemindahmilikan terletak hak pada Majlis bagi maksud Enakmen ini.

Berdasarkan seksyen-seksyen di atas, semua masjid berjumlah 216 buah dan surau berjumlah 539 buah telah didaftarkan bagi surau-sarau yang menyerahkan tapak tanah sahaja manakala

surau-surau yang didirikan di atas tanah persendirian, institusi pendidikan, stesen-stesen minyak dan sebagainya tidak didaftarkan dengan MAINPP kerana tidak tertakluk kepada Seksyen 96 dan Seksyen 97 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) (Pindaan) 2023.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XXV)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

6. Berkait RIBI di Pulau Pinang, nyatakan:
- (a) Jumlah bilangan RIBI di Pulau Pinang mengikut agama.
  - (b) Nyatakan peraturan / undang-undang yang perlu dipatuhi oleh RIBI untuk beroperasi dalam Negeri Pulau Pinang.

**YB LIM SIEW KHIM  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. (a) Berdasarkan maklumat yang diperolehi dan direkod oleh Perbadanan Harmoni Pulau Pinang (HARMONICO) dalam sistem eRIBI, taburan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) mengikut kategori agama setakat Mei 2025 adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Agama</b>	<b>Jumlah (RIBI)</b>
1.	Tokong Tao	597
2.	Kuil Hindu	220
3.	Gereja Kristian	182
4.	Tokong Buddha	125
5.	Wat Siam / Kemboja	10
6.	Gurdwara Sikh	6
7.	Lain-Lain	63
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>1,203</b>

- (b) RIBI boleh ditubuhkan di bawah Undang-Undang Persekutuan dan Negeri yang berkaitan seperti di berikut:
- (i) Akta Biskop Roman Katholik (Perbadanan) 1957 [Akta 492];
  - (ii) Akta *Redemptorist Fathers (Incorporation)* 1962 [Akta 781];
  - (iii) Akta Gereja Methodist Malaysia 1955 [Akta 457];
  - (iv) Akta Perbadanan Malaysia Barat 1971 [Akta 36];
  - (v) Ordinan Wakaf-Wakaf Hindu Bab 175 (1905) dan lain-lain.

Selain itu, Akta Pertubuhan 1966 [Akta 832] menyatakan bahawa persatuan/pertubuhan agama (bagi erti penubuhan RIBI) harus berdaftar di bawah:

- (a) Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM);

manakala penubuhan RIBI boleh didaftarkan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mengikut akta seperti berikut:

- (a) Akta Syarikat (Pindaan) 2024 [Akta A1701],
- (b) Akta Syarikat Amanah 1949 [Akta 100],
- (c) Akta Pemegang Amanah 1949 [Akta 208], dan
- (d) Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258]

Pengoperasian RIBI di Negeri Pulau Pinang juga harus mematuhi:

- (a) Undang-Undang Pentadbiran Tanah di bawah:
  - (i) Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56],
  - (ii) Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 [Akta 518];

- (iii) Undang-Undang Pemilikan Bangunan Strata (jika berkaitan) di bawah Akta Hakmilik Strata 1985 (Pindaan 2016) [Akta A1518]; dan
- (b) Undang-Undang Pentadbiran dan Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan di bawah:
  - (i) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Pindaan 2010) [Akta 171]; serta
- (c) Undang-Undang Pembangunan di bawah:
  - (i) Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2017 [Akta A1522], dan

sebarang peraturan dan undang-undang yang melibatkan aspek pengoperasian RIBI.

Segala pematuhan ke atas peraturan dan undang-undang adalah sangat penting bagi memastikan operasi RIBI sah dari segi undang-undang dan selaras dengan dasar pembangunan negeri bagi menjamin tadbir urus yang mampan

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XXV)7**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

7. Berapakah jumlah peruntukan tahunan yang disediakan bagi penyelenggaraan dan naik taraf RIBI di Pulau Pinang?
- (a) Bagaimanakah proses permohonan dilakukan?

**YB LIM SIEW KHIM  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Untuk makluman, Kerajaan Negeri tidak menyediakan peruntukan tahunan tetapi jumlah kutipan di dalam Tabung Amanah Rumah Ibadat Bukan Islam adalah daripada caruman pihak pemaju yang tidak dapat menyediakan tapak RIBI. Walau bagaimanapun, Manifesto 40 Kerajaan Negeri telah menjanjikan penyediaan peruntukan sebanyak RM10 juta sepanjang tahun 2023 hingga 2028 melalui Tabung Amanah Rumah Ibadat Bukan Islam bagi menampung keperluan penyelenggaraan dan naik taraf Rumah Ibadat Bukan Islam.
- (a) Merujuk kepada Garis Panduan Permohonan Tabung Amanah / Peruntukan Khas Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Negeri Pulau Pinang Tahun 2025, pihak pengurusan RIBI boleh membuat permohonan dalam talian sistem eRIBI melalui pautan [www.eribi.gov.my](http://www.eribi.gov.my). Pihak pengurusan RIBI dikehendaki untuk melengkapkan, mengemukakan dan memuat naik semua dokumen permohonan seperti yang disenaraikan dalam garis panduan ke sistem eRIBI. Permohonan ini adalah khusus kepada kerja-kerja penyelenggaraan dan naik taraf yang belum mula atau dalam pelaksanaan sahaja. Hanya permohonan yang lengkap dan menepati syarat kelayakan sahaja akan diproses dan dinilai oleh Jawatankuasa Tabung Amanah / Peruntukan Khas

Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Negeri Pulau Pinang untuk dipertimbangkan kelulusannya.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XXV)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

8. Nyatakan rancangan terperinci Kerajaan Negeri untuk membangunkan *Sports City* berdekatan Stadium Batu Kawan.
- (a) Nyatakan berapa pemohon dan apakah cadangan-cadangan yang telah dikemukakan dalam *Request for Proposal* (RFP) untuk projek tersebut setakat kini?

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Tender *Request for Proposal* (RFP) Cadangan Pembangunan *Sports City*, Batu Kawan, di Sebahagian Lot 274, Mukim 13, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang telah diiklankan pada 25 Oktober 2024 dan ditutup pada 7 April 2025.

Melalui projek ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk mewujudkan sebuah kawasan pembangunan sukan ikonik yang baru, memberi impak ekonomi dan menjadikan Batu Kawan sebuah lokasi pilihan. Pembangunan ini perlulah dibangunkan secara tersusun, sistematik, landskap yang menarik serta menawarkan pengalaman destinasi sukan dan rekreasi serta pelancongan bertaraf global. Pembangunan mestilah sejajar dengan perkembangan teknologi pintar dan pembangunan mampan.

Pembida dibenarkan untuk memilih dua (2) jenis alternatif untuk kemukakan cadangan pembangunan *Sports City*, Batu Kawan:

## **Alternatif A**

- (i) Pusat Akuatik yang mematuhi keperluan *International Swimming Federation* (FINA);
- (ii) Litar sukan permotoran;
- (iii) Bangunan berintergrasi;
- (iv) Pembangunan komersial;
- (v) Perkhidmatan sukan;
- (vi) Ruang riadah dan aktiviti sukan air; dan
- (vii) Naik taraf Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan.

## **Alternatif B**

- (i) Pihak pembida diberikan ruang untuk cadangan pembangunan tapak berdasarkan reka bentuk cadangan syarikat sendiri; dan
  - (ii) Komponen wajib dimasukkan dalam perancangan reka bentuk dan pembangunan adalah pusat akuatik yang memenuhi keperluan FINA.
- (a) Pada 7 April 2025, Perbadanan Stadium Dan Kawasan Lapang Pulau Pinang (PSDKLPP) telah menerima dua (2) cadangan daripada pembida yang berminat. PSDKLPP dalam peringkat proses penilaian dokumen yang telah dikemukakan oleh pihak pembida, butiran cadangan-cadangan tidak dapat dikemukakan sehingga proses penilaian siap dibentang kepada Lembaga Perolehan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XXV)9**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

9. Nyatakan rancangan Kerajaan Negeri untuk menaik taraf infrastruktur dan fasiliti klinik-klinik awam dalam pemberian perkhidmatan kesihatan awam sedia ada di KADUN Bukit Tengah.

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Pada tahun 2025, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) telah menerima kelulusan dan peruntukan bagi membaiki fasiliti kesihatan sedia ada dalam kawasan KADUN Bukit Tengah di bawah projek Klinik Daif iaitu:
- (a) Kerja-kerja pendawaian elektrik, sistem bekalan air dalaman serta infrastruktur bagi Klinik Kesihatan Bukit Tengah berjumlah RM500 ribu; dan
  - (b) Kerja-kerja menaik taraf dan penggantian sistem pendingin hawa berpusat di Klinik Kesihatan Bukit Minyak berjumlah RM1 juta.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XXV)10**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

10. Nyatakan semua jenis dan jumlah bantuan kewangan tahunan Kerajaan Pusat dan Negeri yang diberikan kepada MBPP dan MBSP setiap tahun dari tahun 2020 hingga 2025 dan bagaimanakah jumlah bantuan-bantuan tersebut ditentukan?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Jenis dan jumlah bantuan kewangan tahunan daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang disalurkan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dari tahun 2020 sehingga 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

Secara umumnya, MBPP dan MBSP akan menyediakan permohonan peruntukan kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri berdasarkan keperluan-keperluan daripada pihak ADUN kawasan, Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Majlis Pengurusan Komuniti Kampung, Kawasan Rukun Tetangga dan juga hasil pemerhatian daripada jabatan dalaman MBPP dan MBSP. Permohonan peruntukan berserta justifikasi yang kukuh akan dikemukakan oleh MBPP dan MBSP untuk pertimbangan pihak Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Kelulusan bagi permohonan yang dikemukakan oleh MBPP dan MBSP akan ditentukan dengan mengambil kira pertimbangan daripada beberapa aspek seperti berikut:

- (i) Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri;

- (ii) Keperluan dan justifikasi projek;
- (iii) Faedah dan impak projek; dan
- (iv) Tempoh dan keberkesanaan pelaksanaan.

## PERUNTUKAN DITERIMA OLEH MBPP DARI KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI

Bil.	Sumber Peruntukan	Sumber Peruntukan	Jenis Bantuan Peruntukan	Jumlah Peruntukan (RM)					
				2020	2021	2022	2023	2024	2025
1	Kerajaan Persekutuan	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)	Geran Keseimbangan	5,000,000.00	5,000,000.00	5,000,000.00	5,000,000.00	5,000,000.00	3,500,000.00
			BP.1	1,778,725.00	1,306,014.00	240,000.00	1,927,145.00	5,136,416.00	500,000.00
			Tabung Penyelenggaraan Perumahan (PPP/TPPM)	803,921.00	1,597,765.00	7,150,446.00	4,340,944.00	5,696,335.00	-
			PPKB - Baikpulih Perumahan	834,703.00	902,986.00	-	230,873.00	18,259.00	19,992.00
		Kementerian Ekonomi	Peruntukan Kerja-kerja Fizikal	-	-	-	-	1,084,000.00	-
		Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya (MOTAC)	Penyelenggaraan Tapak Warisan	595,500.00	-	-	-	250,000.00	-
2	Kerajaan Negeri Pulau Pinang	MBPP	Sumbangan Membantu Kadar (SMK)	2,113,019.52	1,911,932.28	1,911,932.28	1,910,625.48	1,912,069.68	1,953,529.02
			Kumpulan Wang Amanah Jalan Negeri (MARRIS)	29,800,000.00	37,016,320.90	30,600,000.00	37,589,616.56	36,160,231.80	15,087,719.09
			Projek Pembangunan	2,877,656.00	1,562,784.00	-	-	-	-
			Lain-lain (COVID19, Bantuan Kakitangan, Rebat Cukai Taksiran, Insentif Peniaga)	1,497,300.00	6,601,933.90	-	-	-	-
<b>Jumlah Keseluruhan (RM)</b>				<b>45,300,824.52</b>	<b>55,899,736.08</b>	<b>44,902,378.28</b>	<b>50,999,204.04</b>	<b>55,257,311.48</b>	<b>21,061,240.11</b>

PERUNTUKAN DITERIMA OLEH MBSP DARI KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI

Bil.	Sumber Peruntukan	Sumber Peruntukan	Jenis Bantuan Peruntukan	Jumlah Peruntukan (RM)						
				2020	2021	2022	2023	2024	2025	
1	Kerajaan Persekutuan	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)	Geran Tahunan	5,000,000.00	5,000,000.00	5,000,000.00	5,000,000.00	5,000,000.00	5,000,000.00	
			Bantuan Bayaran Bil Lampu Jalan Dan Lampu Isyarat	6,380,500.00	6,095,536.00	5,196,896.00	6,076,781.00	8,822,376.00	-	
			BP1, PRE & PEMERKASA	2,946,784.00	6,696,000.00	5,100,400.00	27,867,707.00	8,007,450.00	60,000.00	
			Kerja-kerja Landskap	783,500.00	2,896,517.00	-	934,870.00	1,730,000.00	-	
			Projek Pembangunan Kampung Baru Cina	-	-	-	999,789.00	-	-	
			MyKiosk	-	-	-	675,000.00	-	-	
			Projek Pembangunan Kawasan Pelancongan dan Warisan	-	200,000.00	1,500,000.00	-	-	-	
			Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM)	3,826,564.00	4,844,033.00	5,049,719.00	2,477,190.00	10,172,087.00	5,530,000.00	
			Program Penyelenggaraan Perumahan (PPP)	-	649,200.00	185,948.00	1,850,000.00	500,000.00	350,000.00	
			Program Baik Pulih Rumah di Bandar (PBPR) / Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB)	65,000.00	375,000.00	128,290.00	28,995.00	125,205.00	-	
			Kementerian Ekonomi	Projek Kecil/ Berimpak Tinggi/ People Centric	-	-	-	4,000,000.00	-	-
			Kementerian Dalam Negeri (KDN)	Program Bandar Selamat	700,000.00	-	500,000.00	-	-	-
			Malaysian Investment Development Authority (MIDA)	Rancangan Malaysia Ke12	-	-	1,759,310.00	-	-	-
			Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)	Kerja-kerja Landskap	-	250,000.00	-	-	-	-
Jabatan Landskap Negara (JLN)	Kerja-kerja Landskap	-	7,398,930.00	419,099.00	479,000.00	-	-			
Pejabat Pembangunan Negeri Pulau Pinang, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM)	Kerja-kerja Landskap	-	-	144,152.00	273,320.00	393,372.00	-			
Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya (MOTAC)	Projek Butterworth Art Walk	-	-	-	-	250,000.00	250,000.00			
2	Kerajaan Negeri Pulau Pinang	MBSP	Sumbangan Membantu Kadar (SMK)	193,327.77	221,781.65	196,199.76	196,199.76	196,199.76	196,199.76	
			Kumpulan Wang Amanah Jalan Negeri (MARRIS)	70,000,000.00	80,000,000.00	80,000,000.00	115,000,000.00	135,927,200.00	10,000,000.00	
			Projek Pembangunan	-	7,000,000.00	-	50,000.00	-	-	
			Lain-lain (COVID19, Bantuan Kakitangan, Rebat Cukai Taksiran, Insentif Peniaga)	1,497,300.00	11,520,351.90	-	-	-	-	
<b>Jumlah Keseluruhan (RM)</b>				<b>91,392,975.77</b>	<b>133,147,349.55</b>	<b>105,180,013.76</b>	<b>165,908,851.76</b>	<b>171,123,889.76</b>	<b>21,386,199.76</b>	

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XXV)11**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

11. Nyatakan jumlah peruntukan KPKT bersama dengan butirannya yang disalurkan untuk menaik taraf Perkampungan Baru Juru sejak PRN 15 hingga kini mengikut tahun.

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Jumlah keseluruhan peruntukan yang disalurkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk menaik taraf Perkampungan Baru Juru sejak Pilihanraya Negeri Ke-15 sehingga kini adalah berjumlah **RM899,070.00**. Perincian bagi peruntukan tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

## LAMPIRAN A

**PERINCIAN PROJEK-PROJEK MENAIK TARAF KAMPUNG BARU, JURU, PULAU PINANG BAGI  
TAHUN 2023 - 2025**

<b>BIL</b>	<b>TAHUN KELULUSAN</b>	<b>TAJUK PROJEK</b>	<b>PERUNTUKAN (RM)</b>
1	2023	KERJA-KERJA MENAIK TARAF LALUAN TREKKING DAN PONDOK REHAT DI KAMPUNG BARU JURU, SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG.	200,000.00
2	2023	KERJA-KERJA MENAIK TARAF TAPAK PASAR MALAM DENGAN PREMIX DI KAMPUNG BARU JURU, SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG.	99,070.00
3	2024	KERJA-KERJA MENAIK TARAF SISTEM PERPARITAN DAN LALUAN TREKKING DI KAMPUNG BARU JURU, SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG.	200,000.00
4	2025	KERJA-KERJA MENAIK TARAF SISTEM PERPARITAN DAN JALAN DI JALAN 6, KB JURU, SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG.	200,000.00
5	2025	KERJA-KERJA MENAIK TARAF TAPAK PASAR MALAM DI KB JURU, SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG.	200,000.00
<b>JUMLAH KELULUSAN (RM)</b>			<b>899,070.00</b>

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XXV)12**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

12. Nyatakan hasil kajian reka bentuk JPSP untuk menaik taraf sistem saliran di kawasan Kampung Dock dan tindakan susulan yang akan diambil untuk mengatasi masalah banjir di kawasan tersebut.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSP) telah melantik Perunding bagi menjalankan Kajian Reka Bentuk Terperinci Menaik Taraf Sistem Saliran di kawasan Kampung Dock, Bukit Tengah, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang bermula pada 20 Mac 2024 dan dijangka siap pada 2 Januari 2026 (tempoh melaksanakan Kajian Reka bentuk).

Status semasa pihak Perunding sedang melaksanakan laporan pada peringkat *Interim and Land Acquisition Plan*.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XXV)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

13. Nyatakan secara terperinci perancangan kerajaan untuk menubuhkan Pusat Kewangan Antarabangsa di Pulau Pinang dan manfaatnya kepada ekonomi negeri.

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

13. Objektif Pusat Kewangan Antarabangsa Pulau Pinang atau *Penang International Financial Centre* (PIFC) adalah seperti berikut:
- (a) Meluaskan sumber modal Negeri Pulau Pinang (selain menarik Pelaburan Langsung Asing - FDI);
  - (b) Memperkukuhkan daya saing syarikat pembuatan dan perkhidmatan berasaskan teknologi tempatan; dan
  - (c) Membangunkan lebih banyak syarikat-syarikat tempatan yang lebih berjaya seperti ViTrox, Greatech, Inari dan Pentamaster yang akan terus memperkukuhkan kedudukan unik Pulau Pinang sebagai hab inovasi Malaysia dengan akar yang mendalam dalam rangkaian nilai pembuatan elektrik dan elektronik global.

Sejajar dengan Strategi Semikonduktor Kebangsaan (NSS), PIFC memainkan peranan penting dalam meningkatkan firma teknologi tempatan dan bersaing di peringkat global. Ia melengkapkan pusat kewangan lain di Malaysia dengan menarik sumber modal baharu, sama ada di peringkat tempatan atau antarabangsa, untuk membangunkan Perusahaan Kecil dan Sederha (PKS) berkaitan teknologi dalam kecerdasan buatan (AI) dan robotik untuk penyelidikan, teknologi dan akses pasaran.

Syarikat-syarikat di Pulau Pinang, terutamanya perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), menghadapi cabaran seperti yang berikut:

- (a) Ancaman tarif yang akan memampatkan margin keuntungan dan mengganggu rantaian bekalan di mana kelewatan penghantaran dan potensi penahanan bahan semikonduktor menjadi kebimbangan;
- (b) Kesukaran untuk meningkatkan rantaian nilai kerana kekurangan modal dan bakat dalam mengguna pakai teknologi terkini untuk mengekalkan daya saing dalam jangka panjang (contohnya keupayaan untuk menjalankan kilang "gelap" automatik sepenuhnya);
- (c) Peningkatan pemerolehan asing bagi syarikat tempatan menyebabkan PKS mempunyai pilihan terhad dan bergelut untuk bersaing dalam kos dan produktiviti; dan
- (d) Peningkatan kos menjalankan perniagaan disebabkan oleh gaji minimum baharu, kenaikan tarif elektrik, cukai jualan dan perkhidmatan yang diperluaskan dan kenaikan kos bahan.

Oleh itu, aspirasi PIFC adalah untuk:

- (a) Mewujudkan ekosistem yang rancak bagi mempelbagaikan pembiayaan berkaitan teknologi serta pelaburan ekuiti persendirian/dagangan di Pulau Pinang yang diwujudkan secara simbiotik dengan Kuala Lumpur dan pusat lain;
- (b) Memupuk lebih ramai pemimpin dan usahawan teknologi yang celik perniagaan bagi mengukuhkan kedudukan Pulau Pinang sebagai Lembah Silikon Timur sebagai suatu cara untuk meminimumkan sebarang kejutan luaran; dan
- (c) Membangunkan bakat yang lebih mendalam dalam kejuruteraan kewangan untuk membantu syarikat tempatan menguasai penilaian syarikat yang lebih tinggi.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XXV)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

14. Nyatakan bagaimana kerajaan akan menggunakan peruntukan RM50 juta daripada Kerajaan Pusat untuk membangunkan inisiatif Penang Silicon Design @5km+.

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

14. Peruntukan sebanyak RM50 juta daripada Kerajaan Persekutuan secara *matching-grant* dengan Kerajaan Negeri adalah melibatkan pembangunan *Penang Silicon Design@5km+* bagi tempoh lima (5) tahun, iaitu dari tahun 2024 hingga 2029. Kerajaan Negeri melalui *InvestPenang* telah merancang dua (2) skop pelaksanaan inisiatif sepanjang tempoh lima (5) tahun tersebut, iaitu melalui pembangunan:
- (a) Akademi Reka Bentuk Cip Pulau Pinang atau *Penang Chip Design Academy* (PCDA) dengan anggaran kos sebanyak RM13.6 juta; dan
  - (b) Ruang Penyelidikan dan Inkubasi Silikon atau *Silicon Research and Incubation Space* dengan anggaran kos sebanyak RM36.4 juta.

PCDA dibangunkan untuk meningkatkan kemahiran profesional serta graduan baharu, terutama melibatkan reka bentuk litar bersepadu atau *integrated circuit* (IC) dalam industri. Program ini menawarkan latihan dan kursus jangka Panjang, iaitu *IC Design Mastery*, yang meliputi teori dan praktikal dalam *physical design, verification, custom layout*, dan *analog circuits*. Selain itu, PCDA turut menawarkan kursus jangka pendek, seperti *Static Timing Analysis* (STA), *Design for Testability* (DFT), reka bentuk *Printed Circuit Board* (PCB), dan kursus-kursus lain yang relevan.

*Silicon Research and Incubation Space* pula dibangunkan bagi menyediakan kemudahan sokongan yang menawarkan pakej insentif, termasuk subsidi ruang kerja kolaboratif, subsidi dan akses kepada perkhidmatan dan peralatan, serta alat reka bentuk IC secara menyeluruh, seperti *Electronic Design Automation (EDA)*, *tape-out*, *Multi-Project Wafer (MPW)*, peralatan pasca-silikon, pembungkusan dan persediaan kepada *New Product Introduction (NPI)*. Sebagai tambahan, program sokongan pembiayaan, pembangunan bakat, latihan dan bimbingan bagi menyokong usahawan dan syarikat permulaan khusus dalam bidang reka bentuk IC turut disediakan.

Huraian mengenai pecahan kos sebanyak RM50 juta melibatkan kedua-dua pembangunan di atas adalah seperti berikut:

- (a) Sebahagian daripada peruntukan akan digunakan untuk pembangunan infrastruktur, termasuk pembinaan fasiliti fizikal dan ruang pembelajaran di akademi PCDA. Kos tersebut meliputi penyediaan ruang pejabat, bilik seminar dan makmal yang dilengkapi dengan teknologi terkini untuk menyokong program latihan reka bentuk cip dan teknologi semikonduktor.
- (b) Peruntukan ini juga akan digunakan untuk langganan lesen *Electronic Design Automation (EDA)* untuk latihan di PCDA dan lesen komersial yang digunakan oleh syarikat IC di bawah inisiatif PSD@5KM+. Alat EDA sangat penting dalam reka bentuk IC kerana ia memudahkan proses reka bentuk yang kompleks serta memastikan ketepatan dan ketelitian dalam reka bentuk IC.
- (c) Peruntukan ini juga akan digunakan untuk pembangunan modul dan silibus latihan yang sesuai dengan keperluan industri semasa termasuk elaun khusus untuk para graduan yang berminat untuk menyertai PCDA.
- (d) Peruntukan ini turut digunakan untuk menampung kos *Tape-out* dan *Multi-Project Wafer (MPW)* melalui *Technology Collaborators*. Aktiviti *tape-out* adalah langkah terakhir dalam proses reka bentuk cip sebelum pengeluaran, manakala MPW membolehkan syarikat permulaan dan institut penyelidikan menjalankan percubaan reka bentuk cip dalam kuantiti kecil dengan kos yang lebih rendah berbanding pengeluaran cip individu. Ini penting untuk ujian dan verifikasi reka bentuk cip.

Pecahan kos berdasarkan skop bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

PECAHAN KOS RM50 JUTA UNTUK TEMPOH 5 TAHUN BERKAITAN PENANG SILICON DESIGN@5KM+

BIL	SKOP/KOMPONEN	KEPERLUAN SILING PERUNTUKAN (RM) / BUDGET CEILING REQUIREMENT (RM)						JUMLAH TOTAL (RM)
		2024 (RMK12)	2025 (RMK13)	2026	2027	2028	2029	
	Skop 1: Akademi Reka Bentuk Cip Pulau Pinang / Penang Chip Design Academy							
1	Kos Infrastruktur <i>Infrastructure cost</i>	0.6	-	-	-	-	-	0.6
2	Kos langganan lesen "Electronics Design Automation Tools" (latihan) <i>License subscription cost for Electronics Design Automation Tools" (training)</i>	3.0	-	-	-	-	-	3.0
3	Kos Latihan dan bimbingan bagi meningkatkan kemahiran dan penyesuaian semula kemahiran <i>Training and mentoring costs for upskilling and reskilling.</i>	0	2.0	2.0	2.0	2.0	2.0	10.0
	Skop 2: Ruang Penyelidikan & Inkubasi Silikon <i>Silicon Research &amp; Incubation Space</i>							
4	Kos langganan lesen "Electronics Design Automation Tools" (R&D) / Tape-out & Wafer Pelbagai Projek (MPW) Front-End <i>License subscription cost for Electronics Design Automation Tools" (R&amp;D), Tape -out, MPW</i>	0	6.0	7.6	7.6	7.6	7.6	36.4
JUMLAH		3.6	8	9.6	9.6	9.6	9.6	50.0

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XXV)15**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

15. Nyatakan rancangan kerajaan dalam penyelenggaraan jalan raya uzur dan tidak selamat yang kerap berlaku kemalangan di KADUN Bukit Tengah terutamanya di simpang Jalan Kebun Sireh dan Jalan Bukit Tengah.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Dalam usaha meningkatkan keselamatan lalu lintas di KADUN Bukit Tengah terutamanya di simpang Jalan Kebun Sireh dan Jalan Bukit Tengah, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP) mempunyai perancangan untuk membuat penambahbaikan merangkumi pemasangan jalur melintang (transverse bar) sejauh 150 meter hingga 200 meter dari lokasi selekoh serta pemasangan papan tanda amaran memperlahankan kenderaan.

Sebagai tambahan, JKRPP turut akan mengangkat lokasi ini sebagai kawasan hitam (blackspot) kepada Kementerian Kerja Raya (KKR) untuk pelaksanaan kajian lanjut bagi tujuan penambahbaikan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XXV)16**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

16. Nyatakan hasil siasatan dan tindakan susulan MBPP berkait aduan anjuran perayaan Songkran di Batu Ferringhi dalam bulan April 2025.

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Kerajaan Negeri memandang serius terhadap isu yang tular di media sosial berkaitan penganjuran perayaan Songkran di Batu Ferringhi baru-baru ini. Justeru itu, Kerajaan Negeri melalui MBPP telah mengambil langkah proaktif dengan mengeluarkan surat tunjuk sebab bertarikh 17 April 2025 bagi mendapatkan penjelasan daripada penganjur yang terlibat untuk tujuan siasatan selanjutnya.

Sekiranya hasil siasatan mendapati penganjur berkenaan cuai atau telah melanggar syarat-syarat yang ditetapkan, MBPP akan mengambil tindakan penguatkuasaan berdasarkan peruntukan di bawah Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1998. Antara tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil terhadap penganjur yang gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan adalah seperti memberi amaran, denda atau penutupan acara tersebut.

Langkah ini menunjukkan komitmen MBPP dalam memastikan bahawa semua aktiviti hiburan yang dianjurkan mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan demi menjaga ketenteraman awam serta keharmonian dalam masyarakat.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XXV)17**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

17. Nyatakan perkembangan terbaru hasil daripada tinjauan seismik Petronas untuk mengeksplorasi Lembangan Langkasuka untuk hidrokarbon.

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

17. Untuk Lembangan Langkasuka, PETRONAS masih lagi dalam peringkat awal dalam usaha eksplorasi melalui aktiviti perolehan data seismik 2D yang baru sahaja selesai pada tahun 2024. Pada masa kini, usaha lebih tertumpu dalam menganalisa data seismik baru ini yang dijangka selesai pada 2026. Aktiviti seterusnya di lembangan Langkasuka ini bergantung kepada analisa data-data seismik ini.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XXV)18**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

18. Nyatakan acara-acara ASEAN di mana Pulau Pinang akan menjadi tuan rumah tahun ini dan jelaskan bagaimana ia memanfaatkan Negeri Pulau Pinang.

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

18. Sebanyak **11 mesyuarat daripada 17 mesyuarat ASEAN** telah berlangsung di Pulau Pinang yang melibatkan 7 Kementerian iaitu:
- (i) Kementerian Pertahanan (MINDEF)
  - (ii) Kementerian Luar Negeri (KLN)
  - (iii) Kementerian Kewangan (MOF)
  - (iv) Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)
  - (v) Kementerian Dalam Negeri (KDN)
  - (vi) Kementerian Belia dan Sukan (KBS)
  - (vii) Kementerian Sumber Manusia (KESUMA)

Mesyuarat-mesyuarat ini merupakan mesyuarat di Peringkat Pegawai, Peringkat Pegawai Kanan dan Peringkat Menteri yang terdiri daripada negara-negara ASEAN yang meliputi pelbagai bidang kerjasama strategik ASEAN, merangkumi aspek keselamatan, ekonomi, pelaburan, perdagangan, pendidikan, dan belia.

Kerajaan Negeri berperanan sebagai penyelaras dengan membantu Kementerian-kementerian dalam aspek penyelarasan, logistik, lawatan budaya serta memastikan kebersihan negeri ini dalam keadaan baik. Usaha ini dilakukan melalui kerjasama erat dengan pelbagai pihak bagi memastikan setiap acara berjalan lancar, sekali gus menawarkan pengalaman terbaik kepada para delegasi yang bertandang.

Penganjuran acara-acara ASEAN di Pulau Pinang ini secara tidak langsung dapat memberi **manfaat besar** kepada Pulau Pinang dalam pelbagai aspek seperti:

(i) **Meningkatkan Profil Antarabangsa Pulau Pinang**

Pulau Pinang mendapat **pendedahan di peringkat antarabangsa** sebagai salah satu destinasi utama untuk persidangan berprofil tinggi, memperkukuhkan imej negeri sebagai hab diplomatik dan ekonomi di rantau ini.

(ii) **Merangsang Ekonomi Tempatan**

Kemasukan delegasi ASEAN memberi **impak positif kepada sektor pelancongan, hospitaliti, pengangkutan dan peruncitan**. Hotel, restoran, perkhidmatan logistik dan penyedia acara menerima manfaat ekonomi secara langsung.

(iii) **Peluang Pelaburan dan Perdagangan**

Kehadiran wakil-wakil industri dan pelabur dari negara ASEAN, acara ini membuka **peluang baru untuk pelabur asing melabur di negeri ini** di samping memperkukuh hubungan perdagangan Pulau Pinang dengan negara-negara jiran.

(iv) **Manfaat Infrastruktur kepada Rakyat**

Persediaan untuk acara ini mendorong Kerajaan Negeri untuk **menaik taraf infrastruktur awam, kebersihan bandar, dan perkhidmatan logistik**, memberi faedah jangka panjang kepada penduduk tempatan.

(v) **Memberi Ruang Kepada Belia Tempatan Untuk Melibatkan Diri Dalam Penganjuran Program Peringkat Antarabangsa**

Seramai 50 orang sukarelawan daripada *Penang Youth Development Corporation* (PYDC) terlibat membantu dalam penganjuran mesyuarat-mesyuarat ASEAN di negeri ini sekaligus **membuka peluang untuk belia di Pulau Pinang** berinteraksi dengan rakan-rakan ASEAN, memperkasa keterlibatan serantau mereka.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XXV)19**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

19. Bagaimanakah Kerajaan Negeri mengintegrasikan infrastruktur bandar pintar untuk meningkatkan kualiti hidup bandar dan pengurusan trafik, termasuk perkhidmatan bas awam?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk mengintegrasikan infrastruktur bandar pintar dalam usaha meningkatkan kualiti hidup bandar dan pengurusan trafik, termasuk perkhidmatan bas awam. Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memastikan kesemua kawasan di Pulau Pinang mendapat infrastruktur bandar pintar yang seimbang.

Oleh yang demikian, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah merancang untuk memasang gentian optik di bahagian pulau, Pulau Pinang secara berperingkat dan dibahagikan kepada lima (5) fasa. Jumlah jarak yang terlibat adalah sebanyak 112.55 km. Antara perancangan-perancangan MBPP dengan rangkaian gentian optik ini adalah seperti berikut:

- (i) Mewujudkan pusat data MBPP;
- (ii) Menambah baik fungsi sistem kamera litar tertutup (CCTV) MBPP dengan meningkatkan keberkesanan video analitik di Pusat Operasi Pintar (IOC) MBPP;

- (iii) Menyediakan rangkaian penghubungan untuk *Internet of Things* (IoT) seperti *Penang Smart Parking* (PSP), sistem lampu isyarat, lampu jalan, alat pengesan (sensor) seperti *water sensor* dan *environmental sensor*; dan
- (iv) Mewujudkan jaringan kesalinghubungan (interconnectivity network) di antara semua premis dan aset MBPP di seluruh pulau, Pulau Pinang dengan lebar jalur bertaraf Gigabit (Gigabit bandwidth).

Sebagai persediaan untuk perancangan masa depan iaitu akses secara lancar (seamless access) oleh semua pihak termasuk kakitangan MBPP dan orang awam (digital inclusivity) terhadap segala perkhidmatan atas talian MBPP yang diintegrasikan dalam satu platform yang bersepadu.

Selain itu, pihak MBPP telah meluluskan 71 permohonan pemasangan struktur *Smart Street Pole* (SSP) untuk menambah baik kualiti rangkaian 4G dan 5G di bahagian pulau, Pulau Pinang.

Pihak MBPP dengan kerjasama Syarikat Rapid Bus Sdn. Bhd. telah mendirikan papan tanda elektronik yang mempunyai paparan maklumat ketibaan bas di pondok perhentian bas di kawasan pulau, Pulau Pinang. Sebanyak 32 buah papan tanda elektronik ini telah didirikan di pondok-pondok perhentian bas yang telah dikenal pasti di kawasan-kawasan yang mempunyai bilangan pengguna bas yang banyak dan penduduk berkepadatan tinggi.

Seterusnya, Rapid Penang Sdn. Bhd. juga telah membangunkan satu aplikasi *journey planner* yang dinamakan *My Rapid Pulse*. Aplikasi yang dibangunkan ini adalah untuk memudahkan orang awam untuk melihat *real time* bas, maklumat laluan bas, masa ketibaan dan pelepasan bas di setiap perhentian bas. Rapid Penang Sdn. Bhd. juga telah bekerjasama dengan Syarikat Google untuk menyediakan maklumat laluan bas dan perjalanan bas di dalam aplikasi *Google Maps*. Penyediaan aplikasi ini dapat membantu orang awam merancang perjalanan mereka untuk menggunakan perkhidmatan bas awam.

Pembangunan di Seberang Perai juga turut diberi penekanan oleh Kerajaan Negeri. Justeru, Kerajaan Negeri melalui MBSP mengintegrasikan infrastruktur bandar pintar untuk meningkatkan

kualiti hidup bandar dan pengurusan trafik, termasuk perkhidmatan bas awam seperti berikut:

(i) **Sensor pengesanan kenderaan**

Pemasangan sistem lampu isyarat menggunakan sensor pengesanan kenderaan telah dilaksanakan di setiap persimpangan lampu isyarat, di mana tetapan masa lampu isyarat dikawal secara dinamik berdasarkan jumlah kenderaan sebenar, bagi mengoptimumkan aliran trafik dan mengurangkan kesesakan.

(ii) **Kemudahan digital**

Pelbagai kemudahan digital telah disediakan termasuk WiFi awam percuma di kawasan tumpuan, platform aduan digital seperti eAduan dan *Smart Parking System* (Penang Smart Parking-PSP) yang membolehkan pengguna mencari tempat letak kereta kosong secara dalam talian. Bayaran tapak letak kereta juga dibuat di atas talian.

(iii) **Penubuhan bilik kawalan CCTV MBSP**

Membolehkan pemantauan secara *real time* terhadap keadaan trafik, keselamatan bandar, perkhidmatan kecemasan dan pengurusan bandar. Hal ini membolehkan tindakan pantas diambil bagi menangani insiden serta mempertingkatkan kecekapan operasi bandar.

Antara lain, bagi perkhidmatan bas awam pula langkah-langkah seperti berikut telah diambil:

(i) **Sistem pemantauan bas secara *real time***

Bas Rapid Penang telah dilengkapi dengan GPS di bawah *Intelligent Commuter Information System*(ICIS), membolehkan pengguna mengakses maklumat masa ketibaan bas secara masa nyata melalui aplikasi PULSE MyRapid, *Google Maps* dan paparan elektronik di hentian bas pelaksanaan ini adalah bagi meningkatkan kecekapan perjalanan.

(ii) **Pelaksanaan sistem pembayaran tanpa tunai**

Pembayaran tanpa tunai telah diperluaskan dalam bas Rapid Penang melalui penggunaan kad My50 (Pas Mutiara My50), kad debit, kad kredit serta pembayaran melalui kod QR e-dompot, bagi mempercepatkan proses naik turun penumpang dan menggalakkan penggunaan pengangkutan awam. Secara tidak langsung kaedah ini cepat dan pantas serta dapat mengurangkan masa menunggu.

(iii) **Penyediaan hentian bas pintar**

Hentian bas pintar seperti di Lengkok Tenggara, Seberang Jaya, telah dibangunkan dengan kemudahan wifi percuma, pengecas USB, sistem pencahayaan mesra tenaga, papan maklumat elektronik masa nyata dan penggunaan ID hentian yang diintegrasikan dengan sistem *Bus Integrated System* (BIS) Rapid Penang untuk paparan ketibaan bas yang tepat.

Oleh yang demikian, jelas bahawa melalui inisiatif-inisiatif ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang berusaha untuk mewujudkan sistem pengangkutan awam yang lebih efisien, selamat dan mesra alam selaras dengan visi Penang2030.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XXV)20**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

20. Adakah terdapat rancangan Kerajaan Negeri untuk memperluaskan perkhidmatan bas pengantara di kawasan yang tidak diliputi oleh Rapid Penang terutamanya di kawasan kampung dan luar bandar?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Kerajaan Negeri melalui kerjasama dengan Rapid Penang sedang berusaha memperluaskan liputan perkhidmatan pengangkutan awam ke kawasan kampung dan luar bandar yang belum diliputi oleh laluan bas sedia ada.

Sebagai langkah permulaan, perkhidmatan *Rapid Penang On-Demand* (ROD) akan diperluaskan ke kawasan Zon Bukit Mertajam dan Alma mulai bulan Jun 2025.

Perkhidmatan ini akan memberi penyelesaian “*first mile*” dan “*last mile*” dengan menghubungkan penumpang dari kawasan tanpa akses pengangkutan awam ke laluan bas Rapid Penang atau ke destinasi dalam zon perkhidmatan ROD secara terus.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XXV)21**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

21. Bagaimanakah Kerajaan Negeri menangani isu kekurangan sambungan jarak terakhir (*last-mile connectivity*) bagi pengguna pengangkutan awam dan juga penyediaan untuk pengguna LRT?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Kerajaan Negeri bersama Kerajaan Persekutuan komited untuk memastikan Projek LRT Pulau Pinang bukan sahaja menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam yang cekap tetapi juga memastikan pengguna menikmati sambungan jarak terakhir (*last-mile connectivity*) yang lancar dan menyeluruh. Ini adalah penting untuk menggalakkan lebih ramai penduduk menggunakan pengangkutan awam, sekaligus mengurangkan kesesakan trafik dan pencemaran karbon.

Usaha Kerajaan Negeri bagi pendekatan inklusif melalui *last-mile connectivity* untuk memastikan sistem pengangkutan awam masa hadapan dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat adalah seperti berikut:

- (a) Penyediaan Perkhidmatan Bas Perantara (*Feeder Bus*) ke Stesen LRT oleh pihak MRTTC, di mana laluan bas perantara boleh diperluaskan bagi menghubungkan kawasan luar bandar menghubungkan stesen LRT dengan kawasan perumahan, pusat perniagaan, dan destinasi popular.

- (b) Pihak Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan Rapid Penang di dalam kerja-kerja pengolahan semula (*reconfiguration*) rangkaian bas bagi memastikan kelancaran operasi terutamanya untuk memberikan sambungan terus ke stesen;
- (c) Kerajaan Negeri juga akan bekerjasama dengan pihak Rapid Penang untuk memperluas Penggunaan Bas Atas Permintaan (*Demand-Responsive Transit - DRT*), iaitu perkhidmatan van mini berdasarkan tempahan yang lebih fleksibel dan sesuai untuk Kawasan pedalaman dan menghubungkan destinasi terakhir pengguna;
- (d) Penambahan tempat letak kenderaan *park-and-ride* di kawasan strategik akan menggalakkan penduduk berhampiran stesen-stesen LRT boleh memandu ke lokasi tersebut dan menaiki LRT dari situ.
- (e) Selain itu, menggalakkan penggunaan basikal seperti perkhidmatan *Link-Bike* atau basikal persendirian, skuter elektrik, dan peranti mobiliti mikro melalui penyediaan laluan khas dan tempat letak yang selamat di setiap stesen LRT.
- (f) Menyokong inisiatif bandar pintar (*smart city*) dengan integrasi teknologi seperti *e-scooter* dan *bike-sharing*.
- (g) Pembinaan laluan pejalan kaki yang selamat, teduh, dan mesra pengguna dari stesen ke kawasan tumpuan penduduk serta memastikan semua kemudahan ini mesra OKU dan sesuai untuk semua peringkat umur.
- (h) Memastikan penyelarasan dan kesepadanan jadual LRT dengan perkhidmatan awam lain seperti bas, feri, komuter, ETS dan mod pengangkutan lain untuk perjalanan yang lancar.

Kerajaan Negeri akan terus bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan, penyedia perkhidmatan pengangkutan, serta pihak swasta untuk memastikan semua inisiatif ini dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Ini termasuk mendapatkan maklum balas daripada pengguna untuk memastikan keperluan komuniti setempat diambil kira dalam setiap peringkat perancangan dan pelaksanaan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XXV)22**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

22. Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam menangani isu banjir di Kampung Tok Panjang dan Kampung Gambir?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang (JPSPP) sedang melaksanakan kajian reka bentuk terperinci bagi menaik taraf sistem saliran di kawasan Kampung Tok Panjang. Hasil dapatan daripada kajian ini akan diteliti dan pelaksanaan projek fizikal akan dilaksanakan setelah kajian siap sepenuhnya.

Manakala, bagi kawasan Kampung Gambir, JPSPP belum mempunyai perancangan untuk melaksanakan kajian di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, JPSPP akan meneliti keperluan untuk pelaksanaan kajian di kawasan ini tertakluk kepada ketersediaan peruntukan semasa.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XXV)23**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

23. Nyatakan statistik kes keganasan rumah tangga yang diterima melalui *First Support Point* (FSP) sejak ia mula dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada tahun 2023 sehingga kini serta kategori mangsa mengikut jantina, umur dan bangsa.

**YB LIM SIEW KHIM  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Statistik kes keganasan rumah tangga yang diterima melalui *First Support Point* (FSP) sejak ia mula dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada tahun 2023 sehingga 2024 adalah seperti berikut:-

Daerah	Tahun	
	2023	2024
Timur Laut	14	10
Barat Daya	16	0
Seberang Perai Utara	10	0
Seberang Perai Tengah	18	11
Seberang Perai Selatan	0	1
<b>Jumlah kes</b>	<b>58</b>	<b>22</b>
<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>80</b>	

Berdasarkan pecahan mengikut jantina, kesemua mangsa adalah wanita, mewakili 100% daripada jumlah keseluruhan. Dari segi lingkungan umur, majoriti mangsa berusia antara 30 hingga 40 tahun, merangkumi 77% daripada kes yang direkodkan. Seterusnya,

17% melibatkan mereka yang berumur antara 40 hingga 50 tahun, manakala selebihnya, iaitu 6%, terdiri daripada golongan berumur antara 70 hingga 80 tahun. Mengikut pecahan kaum, 72% daripada mangsa adalah berbangsa Cina, diikuti oleh kaum Melayu sebanyak 22%, dan kaum India sebanyak 6%.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XXV)24**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

24. Nyatakan jumlah bilangan kes keganasan rumah tangga yang berjaya diselesaikan dan masih dalam siasatan *melalui First Support Point* (FSP) pada tahun 2023 sehingga kini.

**YB LIM SIEW KHIM  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Untuk makluman, *First Support Point* merupakan medium sokongan awal bagi mangsa keganasan rumah tangga untuk mendapatkan bantuan dan sokongan daripada agensi serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang terlibat. Oleh itu, tiada statistik berkaitan siasatan atau penyelesaian kes direkodkan oleh pihak *First Support Point*.

Berdasarkan rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 915 kes keganasan rumah tangga telah dilaporkan bagi tahun 2023 sehingga kini. Daripada jumlah tersebut, 845 kes telah berjaya diselesaikan manakala 70 kes masih dalam siasatan. Perincian lanjut berhubung kes-kes ini boleh dirujuk dalam **LAMPIRAN A**.

## KES KEGANASAN RUMAH TANGGA DI NEGERI PULAU PINANG

TAHUN	KEGANASAN RUMAH TANGGA		
	JUMLAH KES	DALAM SIASATAN	KES SELESAI
2023	366	41	325
2024	455	16	439
2025 (JANUARI - APRIL)	94	13	81
<b>JUMLAH</b>	<b>915</b>	<b>70</b>	<b>845</b>

Sumber : D11, JSJ IPK Pulau Pinang

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XXV)25**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

25. Nyatakan jumlah saman yang telah dikeluarkan oleh pihak PBT (MBSP dan MBPP) terhadap pihak yang gagal mematuhi Dasar Pengasingan Sisa Di Punca yang telah dikuatkuasakan semula di Pulau Pinang bermula bulan Julai 2024 sehingga kini.

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Jumlah saman yang telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Pulau Pinang terhadap pihak yang gagal mematuhi **Dasar Pengasingan Sisa di Punca** bermula **1 Julai 2024 sehingga kini** adalah seperti berikut:

JENIS TINDAKAN	BIL. NOTIS / KOMPAUN	
	MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG (MBPP)	MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP)
Notis Pengasingan Sisa / Notis Pemberitahuan	121	7,086
Kesalahan Kompaun	17	32

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XXV)26**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

26. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menambah bilangan Perpustakaan Digital di kawasan-kawasan kampung terutamanya di kawasan Bukit Tengah?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah membangunkan *Penang Digital Library* (PDL) pertama di Jalan Masjid Negeri, Daerah Timur Laut (DTL) pada Oktober 2016 sebagai salah satu inisiatif untuk mempromosikan budaya membaca dalam kalangan masyarakat Pulau Pinang sejajar dengan agenda transformasi digital negeri. Susulan permintaan tinggi daripada orang ramai serta kewujudan bangunan kosong berhampiran, PDL Fasa 2 telah dibangunkan bersebelahan PDL sedia ada bagi menampung lebih ramai pengguna dengan menyediakan ruang pembelajaran yang lebih luas, kemudahan mesra pengguna dan berteknologi terkini.

Selain itu, sebuah lagi perpustakaan digital dikenali sebagai Batu Maung Digital Library (BMDL) telah diwujudkan di Daerah Barat Daya (DBD), bertempat di *Southbay Plaza*, Batu Maung, yang mula beroperasi sejak November 2019. Perpustakaan ini menyediakan akses yang lebih mudah kepada penduduk di kawasan selatan Pulau untuk mendapatkan perkhidmatan bacaan digital. Di kawasan Seberang Perai pula, Butterworth Digital Library (BDL) telah dibangunkan di Daerah Seberang Perai Utara (SPU) pada Oktober 2020 bagi memberikan peluang kepada penduduk setempat menikmati kemudahan teknologi maklumat serta perkhidmatan perpustakaan digital yang setaraf dengan kawasan Pulau.

Sehubungan itu, pada masa ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai perancangan untuk membangunkan perpustakaan digital tambahan kerana konsep perpustakaan digital membolehkan bahan bacaan elektronik diakses dari mana-mana lokasi melalui internet tanpa bergantung kepada bangunan fizikal. Sebagai langkah menggalakkan penglibatan pelbagai pihak, Kerajaan Negeri mengalu-alukan kerjasama dengan syarikat atau agensi swasta melalui model perkongsian awam-swasta (PPP) bagi menyediakan perkhidmatan perpustakaan digital di kawasan masing-masing, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada peruntukan kerajaan.

Sebagai contoh, di Bukit Mertajam, Persatuan Bekas Pelajar Jit Sin telah bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk menubuhkan sebuah perpustakaan digital di bangunan milik persatuan itu. Dalam projek ini, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan sebanyak RM500,000.00 sebagai galakan kepada persatuan berkenaan untuk membangunkan perpustakaan tersebut. Inisiatif-inisiatif seperti ini selaras dengan matlamat Kerajaan Negeri untuk memperkasa literasi digital, merapatkan jurang digital, serta menyediakan akses ilmu kepada semua lapisan masyarakat tanpa mengira usia dan latar belakang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XXV)27**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

27. Apakah perancangan pembangunan untuk jangka masa 10 tahun akan datang oleh Kerajaan Negeri di kawasan Perkampungan Baru Juru?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Berdasarkan kajian persempadanan kampung yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dengan penglibatan pemegang-pemegang taruh yang berkenaan telah mengklasifikasikan Perkampungan Baru Juru termasuk dalam pengekalan kampung (dikekalkan ciri-ciri dan identiti kampung). Oleh yang demikian, usaha-usaha untuk mengekalkan identiti, struktur, warisan dan fungsi asal Perkampungan Baru Juru perlu diberi perhatian walaupun dalam arus pembangunan moden. Sebarang bentuk pembangunan yang dirancang perlu mengambil kira usaha-usaha pengekalan status kampung bagi Perkampungan Baru Juru. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberai Perai telah merancang pembangunan di Perkampungan Baru Juru agar selari dengan aspek-aspek penting dalam pengekalan kampung seperti berikut:
- (i) Pembangunan perumahan kampung hanya dibenarkan bagi perumahan berdensiti rendah bertujuan untuk mengekalkan identiti dan keunikan nilai estetika yang terdapat di kampung terbabit;

- (ii) Meletakkan mercu tanda atau pintu gerbang yang melambangkan identiti kampung tersebut di setiap pintu masuk atau sempadan kampung;
- (iii) Memetakan aset-aset kampung sama ada ketara atau tidak ketara;
- (iv) Mengadakan program atau aktiviti yang boleh menaikkan martabat nilai estetika reka bentuk tradisional rumah-rumah yang terdapat di kampung tradisi;
- (v) Membangunkan *homestay* bagi menaikkan ekonomi masyarakat kampung serta mempromosikan nilai estetika di peringkat negara dan global;
- (vi) Menerapkan elemen landskap yang bersesuaian di kawasan kampung tradisi sama ada landskap kejur atau lembut;
- (vii) Menaik taraf jalan dan sistem perhubungan kampung-kampung bagi memberikan akses yang mudah kepada penduduk dan pelancong; dan
- (viii) Menyelenggara sistem pengairan, perparitan dan infra dengan baik.